

Bila-bila masa sahaja boleh hanyut

Batang paip, kabel tergantung

Oleh FAIZAL SAHARUNI

berita@kosmo.com.my

PETALING JAYA – Sampai bila hendak dibiarkan tergantung. Demikian kebingungan penduduk di Perumahan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kampung Sungai Kayu Ara di sini.

Mereka merujuk kepada masalah batang paip air dan kabel elektrik yang merentangi Sungai Kayu Ara yang didapati ‘tergantung’ akibat hakisan tanah.

Pada asalnya paip dan kabel tersebut merentangi teguh sungai tersebut kerana ia turut dilengkapi dengan penghadang yang ‘mengikat’ di tebing sungai.

Bagaimanapun ia bagaikan tergantung disebabkan tanah terhakis di kawasan berkenaan ditambah pula dengan keadaan air sungai yang mengalir deras selepas waktu hujan.

Ini menjadikan tanah di tebing sungai itu semakin mendap dan mengalami runtuh dari hari ke hari.

Tinjauan *KOSMO!* ke lokasi mendapati, ada benarnya dakwaan penduduk yang risau terhadap perkara ini kerana batang paip dan kabel itu hanya hanya menunggu masa untuk patah dan hanyut dibawa arus air.

Jika ini berlaku, sudah pasti masalah yang perlu dihadapi penduduk di sekitar bukan sedikit.

Rupa-rupanya keadaan itu telah dibiarkan begitu bukan sebulan dua



YAHAYA menunjukkan kabel elektrik dan batang paip air yang ‘tergantung’ merentasi Sungai Kayu Ara, Damansara.

tetapi telah mencecah kira-kira tujuh tahun lamanya, tetapi sehingga tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak-pihak berkenaan.

Seorang penduduk, K. Puriasamy, 59, memberitahu, keadaan itu dibiarkan berlanjutan lama walaupun aduan sudah dibuat kepada pihak

berkuasa.

“Memang dulu pihak berkuasa pernah datang baiki paip bocor di kawasan ini, tapi nampaknya ma-

salah lain pula yang timbul sekarang.

“Bila-bila masa batang paip dan kabel elektrik itu boleh hanyut,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Yahaya Ngah Sham, 60, berkata, masalah ini dibiarkan begitu sahaja sejak beberapa tahun lalu tanpa sebarang pemantauan daripada pihak bertanggungjawab.

“Kalau ia tumbang atau hanyut, jadi masalah besar pula kepada penduduk sekitar kerana perkara ini melibatkan paip air serta kabel elektrik dan menyukarkan orang lain untuk menjalankan kegiatan harian mereka,” ujarinya.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Shariman Syahid, 39, pula mempersoalkan keprihatinan pihak berkuasa yang seolah-olah bersikap sambil lewa dalam menjalankan kewajipan mereka.

“Aduan pernah juga dibuat oleh penduduk di sini, tapi hingga sekarang tak nampak pula kelibat pihak berkaitan datang memantau dan menyelesaikan masalah ini.

“Takkan nak tunggu sampai batang paip tumbang baru mereka kalam-kabut nak ambil tindakan,” soalnya.

Sehubungan itu, penduduk menyeru pihak bertanggungjawab lebih peka terhadap masalah ini sebelum sesuatu perkara buruk berlaku yang boleh mengancam keselamatan mereka.